



**Institut Aminuddin Baki
Cawangan Genting Highlands
Kementerian Pendidikan Malaysia**

UCAPAN ALU-ALUAN MAJLIS PERASMIAN

PROGRAM BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2014 PERINGKAT INSTITUT AMINUDDIN BAKI

**Tarikh:
31 November 2014**

**Tempat:
Auditorium Dato' Razali Ismail**

YBRS. EN. ABDUL MU'TI BIN AHMAD

**Ketua Pusat Pembangunan Pengurusan Pendidikan
Menjalankan Tugas Timbalan Pengarah Khidmat Profesional
Institut Aminuddin Baki, Bandar Enstek**

Bismillahirrahmannirrahim
Alhamdullillahhirobbilamin,
wa salaatu wa salaamu ‘alaa sayidina Muhammad wa ‘alaa
alihi wasahbihi ajmain.

Assalamu’alaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia

YBrs. En. Mazlan bin Samsudin

Timbalan Pengarah Khidmat Latihan
Institut Aminuddin Baki, Bandar Enstek

YBrs. Dr. Haji Ahmad Rafee bin Che Kassim

Pengarah Institut Aminuddin Baki
Cawangan Genting Highlands

YBrs. Puan Hjh. Nor Asiah binti Haji Ibrahim

Timbalan Pengarah IAB
Cawangan Genting Highlands

YBrs. En. Mohd. Zaidi bin Basir

Pendaftar Institut Aminuddin Baki
Cawangan Genting Highlands

Ketua-ketua Jabatan, Para Pensyarah dan Staf IAB CGH

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

MUKADIMAH

1. Segala pujian bagi Allah SWT yang dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul dalam Majlis Perasmian Program Bulan Bahasa Kebangsaan 2014 Peringkat Institut Aminuddin Baki dengan temanya “**1 Bahasa,1 Bangsa,1 Negara**”. Semoga dengan kehadiran tuan/puan dalam majlis perasmian ini akan dapat memeriahkan lagi program sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) yang juga merupakan acara tahunan di peringkat IAB.
2. Pada kesempatan ini, saya mengalu-alukan kehadiran YBrs. En. Mazlan bin Samsudin, Timbalan Pengarah IAB Bandar Enstek atas kesudian hadir

Tuan bagi merasmikan dan seterusnya melancarkan Program Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) 2014 di peringkat IAB. Kehadiran Tuan amat bermakna bagi kami warga IAB sebagai langkah permulaan dalam melaksanakan program dan aktiviti BBK yang akan berlangsung di sepanjang bulan November sehingga Disember ini.

*Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati
sekalian,*

SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN

3. Pada tahun ini, IAB sekali lagi dapat melaksanakan program tahunan BBK yang dikendalikan oleh pihak Urus Setia Induk dan Genting daripada Jabatan Bahasa dan Komunikasi (JBK), Pusat Kepimpinan,

Komunikasi dan Pengurusan Pejabat serta dibantu oleh beberapa AJK kecil daripada jabatan-jabatan lain bagi melicinkan lagi program BBK pada kali ini.

4. Program ini akan berlangsung selama sebulan dengan pelbagai acara yang lazimnya dirancang bagi memberi peluang kepada seluruh warga IAB melibatkan diri atau menguji bakat, kebolehan dan kepintaran serta kecekapan dalam bahasa kebangsaan iaitu melalui beberapa pertandingan yang dijalankan. Penyertaan tuan/puan dalam acara ini juga secara tidak langsung melambangkan kecintaan tuan/puan terhadap bahasa kebangsaan negara tanpa mengira kaum.

5. Sehubungan itu, beberapa aktiviti telah dirancang dan akan dijalankan mengikut ketetapan yang berikut;

- i.** Majlis Perasmian dan Penutupan Bulan Bahasa Kebangsaan di peringkat IAB yang akan dijalankan di dua lokasi iaitu di IAB Induk dan IAB CGH
- ii.** Bicara Bahasa
- iii.** Pertandingan Kuiz Bahasa secara atas talian (*online*)
- iv.** Pertandingan Lagu Irama Malaysia
- v.** Pertandingan Menulis Sajak

Kesemua acara yang dipertandingkan akan melibatkan kerjasama antara pihak urus setia di dua lokasi iaitu IAB Induk dan IAB Genting dalam aspek

pengurusan program, majlis pelancaran dan majlis penutupan BBK. Majlis Perasmian Penutupan BBK akan dijalankan di IAB Bandar Enstek pada bulan Disember 2014.

*Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati
sekalian,*

MATLAMAT PENGANJURAN BBK

6. Sebagaimana yang diketahui umum, Bulan Bahasa kebangsaan (BBK) merupakan bulan yang diisytiharkan oleh Kerajaan sebagai bulan khusus untuk semua lapisan rakyat Malaysia mengadakan kegiatan bahasa dan sastera. Melalui program ini, semua lapisan masyarakat akan terlibat termasuklah pemimpin dan masyarakat umum.

7. Bagi memenuhi tujuan tersebut, penganjuran program BBK adalah diharapkan dapat mencapai objektif yang berikut;

- i. Mempersegarkan semangat kecintaan masyarakat terhadap bahasa kebangsaan dan memperkukuhkan keyakinan mereka terhadap keupayaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu dan bahasa pengungkapan budaya tinggi, dan bahasa komunikasi sosial dan perpaduan.
- ii. Pengisian, penjiwaan dan penghayatan Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan.
- iii. Mengeratkan dan memperkukuhkan perpaduan bangsa Malaysia menerusi kegiatan kebahasaan dan kesusasteraan.

- iv. Menyerlahkan fungsi serta peranan bahasa dan sastera kebangsaan sebagai salah satu tonggak pembinaan tamadun bangsa dan negara.

*Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati
sekalian,*

RASIONAL PENGANJURAN BBK

- 8. Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) harus dimanfaatkan untuk terus memberi kesedaran bersama, bagi memartabat dan memperkasakan lagi bahasa kebangsaan kita ini.

- 9.** Mungkin semakin ramai orang Melayu kurang mengendahkan lagi bahasanya, sama ada sikap tidak peduli (menggunakan bahasa rojak) ataupun beralih kepada bahasa Inggeris sepenuhnya, atau mungkin menganggap status diri 'terangkat' apabila berbahasa Inggeris dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya.
- 10.** Keadaan ini juga tidak terkecuali dalam penulisan, penerbitan dan penggunaan tatabahasa dan bahasa asing di papan-papan iklan premis perniagaan. Sekiranya kepekaan berbahasa kebangsaan ini tidak dititikberatkan, nescaya suatu ketika nanti bahasa kebangsaan hanya berfungsi sebagai lambang negara yang kurang popular untuk dimanfaatkan dan diamalkan sebagai bahasa penyatuan semua kaum dan etnik di seluruh Malaysia.

- 11.** Justeru itu, atas kesedaran inilah bahasa kebangsaan perlu dilestarikan oleh seluruh warga Malaysia pada abad globalisasi yang mencabar ini agar kadaulatan bahasa kebangsaan dalam perlembagaan negara tidak diperkotak-katikkan dengan pelbagai isu bahasa yang tiada nokhtahnya.
- 12.** Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2010 di Stadium Indera Mulia pada Oktober yang lalu oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia telah memberi penegasan terhadap penguatkuasaan Undang-undang Kecil Iklan dan Garis Panduan Papan Iklan.

- 13.** Penguatkuasaan ini mewajibkan semua premis bangunan menggunakan bahasa kebangsaan di tempat awam dan juga bagi mengelak kesalahan dalam penggunaan bahasa kebangsaan. Jelas beliau lagi, sejajar dengan peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara, peneguhan sikap pengguna bahasa juga hendaklah diberi tumpuan dalam pengisian program Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK).

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

HARAPAN PENGANJURAN BBK

- 14.** Sempena dengan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang akan dijalankan di sepanjang bulan November hingga awal Disember ini, adalah

menjadi harapan saya agar program ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam kalangan warga IAB terutamanya dalam menerbitkan rasa kecintaan dan kesedaran terhadap bahasa kebangsaan kita.

15. Usaha memartabat, memperkasa dan melestarikan penggunaan bahasa kebangsaan adalah bermula daripada rasa kecintaan dan sikap kita terhadap bahasa kebangsaan ini. Sudah sampai masanya untuk tuan/puan menjaga dan melestari bahasa Melayu ini pada tempat sewajarnya ianya perlu dibela dan dihargai.

16. Dengan kata lain, bahasa kebangsaan ini perlu dikuasai melalui penguasaan penggunaan bahasa yang baik sama ada dalam pertuturan, pengucapan atau penulisan agar ianya terus

menjadi bahasa pengucapan seni, falsafah dan keilmuan yang diterbitkan secara konvensional atau secara elektronik sesuai dengan kemajuan teknologi semasa.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

- 17.** IAB juga tidak ketinggalan dalam usaha menjaga warisan bahasa kebangsaan ini sebaik mungkin melalui pelbagai medium penulisan dan penerbitan yang berbahasa Melayu. Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan (PDSP) juga berperanan dalam memastikan bahan-bahan penerbitan berbahasa Melayu diperbanyakkan bagi menambahkan lagi koleksi pembacaan oleh warga IAB.

18. Begitu juga kursus-kursus anjuran IAB di bawah Jabatan Bahasa dan Komunikasi (JBK) yang dijalankan setiap tahun juga mengambil pendekatan memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dan penulisan yang menjadi teras latihan dan bimbingan kepada para pemimpin sekolah terutama dalam penulisan dokumen rasmi kerajaan. Antara kursus yang ditawarkan oleh jabatan ini termasuklah;

- i. Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo Berkualiti.
- ii. Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti yang menekankan aspek penulisan Minit Mesyuarat mengikut format yang betul berdasarkan pekeliling yang ada, Minit Curai dan Memo Berkualiti. Di samping itu, penekanan dari

aspek tatabahasa, susunan ayat dan kesantunan bahasa diterapkan bagi menjamin kualiti bahasa persuratan rasmi kerajaan bertepatan dengan warisan jati bahasa Melayu.

- iii. Kursus Pengucapan Awam (BM) juga memberi pendedahan dan bimbingan kepada para pemimpin sekolah sebagai perucap yang berkualiti di khalayak ramai. Juga diterapkan cara-cara penulisan teks ucapan yang betul dan berkualiti bersesuaian dengan penggunaan bahasa Melayu yang tepat.
- iv. Kajian Penyelidikan MBMMBI juga dijalankan bagi meningkatkan dan memperkasakan bahasa Melayu di peringkat sekolah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PENUTUP

- 19.** Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada YBrs. Dr. Haji Ahmad Rafee bin Che Kassim selaku Pengarah IAB Cawangan Genting Highlands atas kesudian beliau menjemput saya untuk sama-sama memeriahkan lagi majlis pelancaran program BBK pada kali ini.
- 20.** Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada seluruh warga IAB yang sudi meluangkan masa untuk memeriahkan lagi majlis ini.
- 21.** Begitu juga penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada semua warga kerja Program

Bulan Bahasa Kebangsaan 2014 di peringkat IAB kerana sekali lagi dapat mengendalikan program ini dengan jayanya. Adalah diharapkan agar program ini dapat disempurnakan dengan jayanya sehingga ke penghujungnya. Tanpa komitmen dan kesungguhan tuan/puan dalam merancang dan mengendalikan majlis ini, BBK tidak mungkin mencapai matlamatnya seperti hari ini.

- 22.** Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memohon kemaafan sekiranya berlaku kekurangan dan kecacatan dalam pengendalian majlis ini. Saya percaya segala kesulitan dapat diatasi segera dengan semangat kerjasama semua pihak yang terlibat bagi menjayakan majlis ini.

23. Sekian,

*Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih.